



Ruj. Kami : KUDR/TNBS/A/07/24/0016 (22 )  
Ruj. Tuan : TNB(B)PERA/ASIT/MSVT/4888  
Tarikh : 23 Ogos 2024

**Tenaga Nasional Berhad**  
Wisma Tenaga Nasional Berhad,  
Jalan Lahat,  
30200 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan  
(u.p: En Mohammad Rosdi Bin Husin)

Tuan/Puan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN  
MENJALANKAN KERJA MSVT - MEWUJUDKAN PE BARU  
UNTUK MENYELESAIKAN ISU LOW VOLTAGE DI KAMPUNG  
SG TIRAM LEKIR.**

**PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU (JKR MANJUNG)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan kebenaran laluan Izin lalu pihak tuan telah mendapat kelulusan sebagaimana berikut:

BIL.	NAMA JALAN	PBM/PBT	JUMLAH (RM)
1.	JALAN SUNGAI TIRAM A228	JKR MANJUNG	<b>RM 150,700.00</b> (Deposit Keselamatan 100% Dalam Wang Cagaran Kelompok)
2.	BAYARAN PERKHIDMATAN KUDR	OSA	<b>RM 74,445.00</b> (Merujuk sebut harga KUDR yang dilampirkan)

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakan kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.

4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans **"Contractor's All Risk"** yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam sepertimana yang dinyatakan di **Jadual 2** untuk menanggung rugi (*indemnity*) di mana tempoh sah lakunya bermula dari **Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "Defected Liability Period" (DLP)**. Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*) **Kerajaan Persekutuan/ Negeri, Jurutera Daerah JKR berkenaan serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.**





Ruj. Kami : KUDR/TNBS/A/07/24/0016 ( 22 )  
Tarikh : 23 Ogos 2024

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN  
MENJALANKAN KERJA MSVT - MEWUJUDKAN PE BARU  
UNTUK MENYELESAIKAN ISU LOW VOLTAGE DI KAMPUNG  
SG TIRAM LEKIR.**  
**PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU (JKR MANJUNG)**

5. Pihak Tuan/Puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran caj perkhidmatan bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan/Puan diproses. Bersama-sama ini disertakan sebut harga **QT-07-0016** bertarikh **07 Ogos 2024** untuk disetujui terima pihak Tuan/Puan.

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Jabatan Kerja Raya Perak seperti di lampiran.

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin laluan ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan (**180 hari**) sahaja bermula dari tarikh **20 Ogos 2024** sehingga tamat **19 Februari 2025** dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu membuat permohonan yang baru kepada pihak kami.

8. Adalah diingatkan bahawa pihak Tuan/Puan boleh didakwa mengikut Akta 333 (Akta Pengangkutan Jalan 1987), Seksyen 40 dan dibawah Seksyen 85 Undang-Undang Malaysia sekiranya kerja-kerja tersebut dilakukan tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Jalan.

9. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **En Wan Mohd Farkhullah Bin Wan Mohd Fakri** di talian **017-9076802** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan terima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
**(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)**  
Pengurus Koridor Negeri  
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

